



FACULTY OF LIBERAL ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : **MPU2212 BAHASA KEBANGSAAN A**
 Trimester & Year : May – August 2021
 Lecturer/Examiner : Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

Total Number of pages = 11 (Including the cover page)

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**

ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kesenian ialah usaha untuk mencipta bentuk-bentuk yang melahirkan kesenangan hati. Pada zaman awal, kebudayaan dan kesenian masyarakat Melayu dipengaruhi oleh kepercayaan Hindu. Pada masa itu, pengaruh Hindu amat ketara dalam sistem pemerintahan dan kerajaan. Dalam kalangan rakyat biasa, pelaksanaan kehidupan seharian hanya dipengaruhi aspek estetik yang terdapat dalam ajaran Hindu.

Dalam sistem kerajaan, raja berfungsi sebagai penjelmaan dewa Hindu. Begitu juga tentang keturunan raja Melayu yang dikaitkan dengan Raja Suran yang berasal dari India. Unsur falsafah dan ajaran agama Hindu yang kompleks itu menyebabkan **tidak semuanya meresap** ke dalam kehidupan orang Melayu. Tidak banyak orang Melayu yang dapat mengamalkan yoga, menghayati Hukum Manu dan Hukum Karma Hindu. Orang Melayu juga dipengaruhi oleh keindahan dan kelembutan tarian klasik Hindu.

Dalam masyarakat Hindu, pihak perempuan akan melamar pihak lelaki dan pihak perempuan juga akan mengeluarkan belanja perkahwinan. Hal ini dapat dilihat dalam masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih, terutama di Minangkabau yang menunjukkan memang ada pihak perempuan yang melamar pihak lelaki, tetapi pendekatan dan pelaksanaannya berbeza.

Perkembangan kebudayaan dan kesenian Melayu juga dapat dilihat melalui pentadbiran raja-raja Melayu pada zaman itu yang membawa banyak unsur falsafah dan konsep Hindu. Antaranya, adat istiadat Hindu diamalkan dalam upacara pertabalan. Dalam upacara pertabalan, raja duduk di atas takhta, di samping alat kebesaran negeri seperti keris, sundang dan berbagai-bagai senjata lain. Raja dipakaikan dengan pakaian kebesaran negeri yang dilengkapi gelang, kalung berdokoh, dan keris kerajaan. Pertabalan itu diiringi paluan nobat, iaitu alat bunyian diraja.

Kesimpulannya, kesusasteraan, kebudayaan dan kesenian Melayu secara umumnya telah dipengaruhi oleh beberapa unsur kepercayaan Hindu. Unsur-unsur Hindu telah menyerap dalam sistem pemerintah dan kerajaan Melayu Melaka secara meluas, iaitu sebelum kedatangan Islam ke alam Melayu.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **tidak semuanya meresap** seperti dalam petikan di atas?
(2 markah)
2. Berikan **EMPAT (4)** pengaruh Hindu dalam pentadbiran raja-raja Melayu.
(4 markah)
3. Pada pendapat anda, jelaskan **DUA (2)** fungsi kesenian Melayu?
(4 markah)

Petikan (ii)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Hajah Tom orang yang paling kami cintai antara semua yang ada di kampung kami. Semua cakupnya kami taati, melebihi perintah ibu sendiri. Kalau dia kata jangan, maka segera kami jauhi; kalau katanya mesti, maka cepat-cepat kami patuhi.

Dia tinggal bersendirian dan kata ibu kami, sejak suaminya Sarjan Omar meninggal dunia ditembak pengganas di Gubir pada tahun-tahun komunis mengamuk, Si Hajah yang saat itu masih sangat muda dan belum pun setahun berkahwin, tinggal menjanda. Dia tak mahu mana-mana lelaki. Dia sangat sayang akan arwah suaminya itu. Kami tidak begitu faham itu semua, kecuali satu, dia guru Quran yang baik hati. Kalau kami datang mengaji selepas Zuhur, dan dia nampak ada antara kami sangat lesu atau letih, maka cepat-cepat diusapnya kepala kami dan ditanyainya dengan mesra, "Sudahkah kamu makan nasi?" Kami tidak menjawab. Orang miskin seperti kebanyakan kami yang membesar di kampung ini **sudah lali dengan kelaparan**.

Melihatkan kami berdiam diri, cepat-cepat dia ke dapur. Dari atas rumah, kami diam menanti sambil mendengar tingkah periuk dan air di dapur. Tidak lama kemudian, hajah yang bertubuh kecil serta berkulit putih licin seperti langsung matang itu muncul semula.

"Kamu mengajilah dulu, nanti aku jamukan nasi".

Daripada mulut dan hati perempuan tua yang sentiasa bertudung ini, banyak yang kami pelajari. Sebahagian kami berulang-ulang kali khatam Quran di rumah guru yang baik hati ini. Kerana dia tinggal bersendirian dan tidak mempunyai anak kandung, maka kami sangat diraikan di rumahnya. Selalu juga dia meminta kami untuk membantu mengupas kelapa atau membelah kayu api. Selalunya kami diminta mengupas kelapa, kami memilih kelapa paling tua yang sudah terjengul pucuknya. Apabila bertemu dengan tombong kelapa yang kuning segar dan sebesar penumbuk itu, kami cepat-cepat pergi kepadanya. Belahlah, supaya kami dapat makan sama rata.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan **sudah lali dengan kelaparan**? **(2 markah)**
2. Mengapakah Hajah Tom tidak mahu berkahwin lagi? **(2 markah)**
3. Mengapakah mereka menganggap Hajah Tom seperti ibu sendiri? **(2 markah)**
4. Berikan **DUA (2)** nilai murni yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dengan huraian yang jelas. **(4 markah)**

TATABAHASA (20 markah)

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan WAJIB dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

a) Tulis ayat berdasarkan setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.

I. tersimpan (2 markah)

II. terbayar (2 markah)

III. terbawa (2 markah)

IV. tersentuh (2 markah)

V. tergagah (2 markah)

(10 markah)

b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Tuliskan jawapan yang betul di kertas jawapan.

1. Kavitha mengulangkaji pelajaran yang susah secara kerap kerana kaedah itu adalah lebih berkesan berbanding lakukan secara cepat.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

2. Ibu bapa saya sambutan ulang tahun perkahwinan mereka yang ke21 pada hari Ahad lepas.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

3. Setiap pembayaran perlu ada baucer bayaran dan perlu dikepilkan bersama dokumen penyokong.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

4. Kami sempat memakai jaket keselamatan dan cuba berenang ke darat sebelum menghanyutkan ke pesisir pantai.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

5. Kanak-kanak memerlukan imajinasi untuk bantu proses pembesaran mereka.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)

ARAHAN : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

SOALAN 1

Usaha berterusan membantu golongan Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan satu tindakan yang wajar demi membolehkan golongan ini memberikan sumbangan berkesan kepada negara.

Berikan pendapat anda tentang usaha-usaha yang wajar dilakukan untuk membantu golongan ini.

ATAU;

SOALAN 2

Tuliskan sebuah cerita tentang Covid-19 dengan menggunakan peribahasa 'sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna'.

ATAU;

SOALAN 3

Hubungan kejranaan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara kira amatlah penting. Pada pendapat anda, apakah usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan semangat kejranaan dalam kalangan masyarakat Malaysia?

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT